



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM LAWATAN TAPAK KDYMM SPB YANG DI-PERTUAN AGONG DAN KDYMM SPB RAJA PERMAISURI AGONG KE PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH

BELURAN, SABAH – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berkenan bercemar duli berangkat ke tapak Pakej Kerja 29 - Moynod ke Sapi Nangoh, Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah.

Keberangkatan tiba KDYMM SPB Tuanku berdua disambut oleh YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya Malaysia bersama-sama YB. Datuk Shahelmey Bin Yahya, Timbalan Ketua Menteri III Sabah merangkap Menteri Kerja Raya Sabah serta dif-dif kehormat yang lain.

Lawatan tapak tersebut adalah sebahagian daripada Program Kembara Borneo Dirgahayu Tuanku yang bermula dari Tawau, Sabah dan berakhir di Telok Melano, Sarawak. Semasa lawatan tapak tersebut, KDYMM SPB Tuanku berdua turut berkenan mendengar sembah maklum daripada Menteri Kerja Raya Malaysia berhubung latar belakang dan status semasa pelaksanaan Projek LPB Sabah yang kini 83% siap bagi 15 Pakej Kerja Fasa 1A Projek LPB Sabah.

Sesungguhnya keberangkatan julung kali KDYMM SPB Tuanku berdua menzahirkan keprihatinan Tuanku berdua dalam usaha Kerajaan menambahbaik infrastruktur jaringan jalan raya di Sabah yang merupakan pemangkin pembangunan sosio-ekonomi dan perindustrian serta menambahbaik keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya khususnya.

Kementerian Kerja Raya Malaysia, Kementerian Kerja Raya Sabah dan JKR Sabah menunjung kasih di atas kesudian KDYMM SPB Tuanku berdua mengadakan lawatan tapak di Pakej Kerja 29 - Moynod ke Sapi Nangoh, Projek LPB Sabah pada hari ini.

Daulat Tuanku!

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
5 SEPTEMBER 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR-MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur